



12 November 2012
12 November 2012
P.U. (A) 372

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KILANG DAN JENTERA
(PENGEQUALIAN KEPADA PETRONAS GAS BERHAD,
EKSPORT TERMINAL, KEMAMAN, TERENGGANU) 2012

*FACTORIES AND MACHINERY (EXEMPTION TO PETRONAS
GAS BERHAD, EKSPORT TERMINAL, KEMAMAN,
TERENGGANU) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

PERINTAH KILANG DAN JENTERA (PENGECUALIAN KEPADA PETRONAS GAS BERHAD,
EKSPORT TERMINAL, KEMAMAN, TERENGGANU) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 55(3) Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kilang dan Jentera (Pengecualian kepada Petronas Gas Berhad, Eksport Terminal, Kemaman, Terengganu) 2012**.

Pengecualian

2. Semua bejana tekanan tidak berapi yang didaftarkan dengan Ketua Pemeriksa, dengan nombor pendaftaran dan perihalan yang dinyatakan dalam ruang (1) dan (2) Jadual, atas nama Petronas Gas Berhad, Eksport Terminal, Kemaman, Terengganu yang telah dikeluarkan perakuan kelayakan, dikecualikan daripada persediaan yang dikehendaki di bawah perenggan 17(*b*) Peraturan-Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970 [*P.U. (A) 43/1970*] bagi pemeriksaan ulangan yang berikutnya selepas habis tempoh perakuan kelayakan itu pada 14 Mac 2012.

Syarat pengecualian

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 adalah tertakluk kepada syarat bahawa semua bejana tekanan tidak berapi yang dinyatakan dalam Jadual menjalani pemeriksaan luaran dan ujian tanpa musnah, dan Pemeriksa berpuas hati dengan keputusan pemeriksaan dan ujian itu.

JADUAL

(1)	(2)
<i>No. Pendaftaran</i>	<i>Perihal dan Bejana Tekanan Tidak Berapi</i>
PMT 36228	Penerima Udara
PMT 36229	Penerima Udara Alatan
PMT 36230	Bungkusan Pemampat Udara Pendingin Antara
PMT 36231	Bungkusan Pemampat Udara Pendingin Antara
PMT 36232	Bungkusan Pengering Udara Alatan
PMT 36233	Bungkusan Pengering Udara Alatan
PMT 36236	Penerima Propana
PMT 36237	Penerima Butana
PMT 36238	Gelendong Ketuk Keluar Gas Bahan Api
PMT 36397	Pendingin Butana No. 3
PMT 36398	Perangkap Saliran
PMT 36502	Gelendong Ketuk Keluar
PMT 36503	Gelendong Ketuk Keluar Wap
PMT 36505	Penyejat Sejuk
PMT 36506	Penyejat Sejuk
PMT 37802	Bungkusan Pemampat Udara Pendingin Lanjut
PMT 37803	Pengandung Denyutan Bungkusan Pemampat Udara
PMT 37804	Pemisah Lembapan Antara Peringkat Bungkusan Pemampat Udara
PMT 37805	Bungkusan Pemampat Udara Pendingin Lanjut
PMT 37806	Pengandung Denyutan Bungkusan Pemampat Udara
PMT 37807	Pemisah Lembapan Antara Peringkat Bungkusan Pemampat Udara
PMT 38027	Tong Serbuk Kimia Kering